

# Kurang disiplin tambah hutang

**Kuala Lumpur:** Penyumbang kepada masalah hutang dan ketidak-upayaan membayar balik pinjaman adalah disebabkan perancangan kewangan lemah, tidak mempunyai pengetahuan membuat perancangan kewangan dan hidup tanpa mengikut kemampuan disebabkan kurang disiplin diri.

Faktor terbabit dikenal pasti oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) berdasarkan 394,327 individu yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling dengan agensi itu.

Daripada angka itu, 143,703 daripada mereka sudah dibantu melalui Program Pengurusan Kredit sejak agensi berkenaan ditubuhkan pada 2006 sehingga 31 Disember tahun lalu.

Mengikut pecahan sehingga Disember lalu juga, punca yang paling banyak dikenal pasti adalah mem-babitkan kelemahan pengurusan kewangan iaitu sebanyak 21.9 peratus, kegagalan dalam perniagaan (16.7), perbelanjaan perubahan

(13.6), penggunaan kad kredit di luar kawalan (11.1), kehilangan pekerjaan (9.9), gaya hidup mewah (7.9), komitmen kewangan tidak dijangka (7.3), kehilangan tempat bergantung (1) serta kegagalan dalam pelaburan (0.8).

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat AKPK Mohamad Khalil Jamaludin berkata, peminjam individu boleh mendapatkan bantuan AKPK untuk menstruktur semula pinja-



**Program Pengurusan Kredit AKPK membantu peminjam memulakan bajet yang menjadi panduan dalam menunaikan pembayaran hutang dan perbelanjaan**

**Mohamad Khalil Jamaludin**

man perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman peribadi atau baki tertung-gak kad kredit atau caj yang di-perolehi daripada penyedia kewangan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.

Katanya, sejak beroperasi pada April 2006, AKPK kini sudah diperluaskan hampir ke seluruh negara untuk membantu mereka yang menghadapi masalah pengurusan kewangan.

"Program Pengurusan Kredit AKPK membantu peminjam memulakan bajet yang menjadi panduan dalam menunaikan pembayaran hutang dan perbelanjaan hidup dan sekali gus mengurangkan pinjaman tidak berbayar dan perampasan rumah," katanya.

Sementara itu, Pakar Kewangan Pengguna dari Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohamad Fazli

Sabri berkata, perancangan awal perlu dibuat dengan mengambil kira kemampuan masing-masing sebelum membuat keputusan untuk berbelanja besar termasuk mengadakan majlis perkahwinan.

Katanya, perancangan itu termasuk mengumpul wang sejak awal mula bekerja bagi mengelakkan pasangan terperangkap dengan masalah hutang.

"Majlis perkahwinan diadakan hanya sehari atau dua hari saja dan jika dari mula pengurusan kewangan sudah tidak tersusun, ia akan mengundang padah.

"Janganlah terpengaruh dengan konsep 'Wedding of The Year' jika tidak mampu sebaliknya cari alternatif lain yang dalam kemampuan masing-masing.

"Bagi saya, bukan salah bank atau mana-mana pihak yang memberikan pinjaman peribadi kerana mereka hanya menyediakan perkhidmatan.

"Ia adalah tanggungjawab kita untuk membuat keputusan yang tepat dan apa yang penting ialah pastikan bakal pengantin berbinggung dan berterus-terang dengan kedudukan kewangan mereka," katanya.

